

04/09/1997

Pelbagai cara untuk menabung

Kadir Dikoh

SATU daripada kaedah paling mudah bagi rakyat biasa termasuk suri rumah dan pelajar untuk sama-sama membantu memulihkan keadaan kelembapan pasaran saham tempatan sekarang ialah dengan menabung.

Satu lagi cara ialah menerusi tabungan bukan kewangan yang sememangnya penting dalam amalan hidup kita iaitu mengamalkan sikap berjimat cermat dengan pendekatan sederhana dalam perbelanjaan bagi mengelak pembaziran.

Lebih daripada itu, bagi mereka yang suka kepada barangan import, kurangkanlah dalam keadaan ringgit yang susut berbanding dolar Amerika untuk kebaikan negara bagi meningkat pasaran tempatan. Dalam kata lain belilah barangan tempatan.

Semua ini perlu dilakukan berikutan sentimen negatif pengurus dana asing terhadap pasaran. Pelabur asing ini mudah masuk dan keluar pada bila-bila masa tanpa mengira kesan negatif kepada Malaysia. Oleh kerana mereka menguasai pasaran, maka pergerakan mereka juga memberi kesan terhadap jatuh naik pasaran seperti ditunjukkan dalam Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Ini berlaku sekarang. Bagi pelabur runcit dan institusi tempatan pula, mereka perlu memainkan fungsi dengan membeli secara cergas di BSKL bagi menaikkan pasaran tanpa perlu menunggu arahan kerajaan.

Pelabur institusi tempatan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP), Khazanah Nasional dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) perlu terus cergas membeli sebanyak mungkin saham di BSKL untuk membantu memulihkan pasaran.

Bagi rakyat biasa, dengan meningkatkan kegiatan menabung, bermakna mereka membantu kadar tabungan negara untuk turut meningkat dan ini berupaya membantu Malaysia mencapai kejayaan ekonomi jangka sederhana dan panjang.

Apabila negara mencapai kadar tabungan tinggi, maka kadar pelaburan tinggi akan juga dapat dicapai. Perkembangan ini membolehkan Malaysia meningkatkan keupayaan produktifnya dengan tidak bergantung banyak kepada tabungan asing.

Jika negara terlalu bergantung kepada pinjaman asing, ia akan menghadapi risiko dan kos dana yang tinggi terutama di dalam keadaan pasaran yang kurang stabil seperti sekarang. Oleh itu, semua pihak yang prihatin perlu berusaha meningkatkan kadar tabungan dalam negara dan dengan itu mengurangkan risiko terbabit.

Hakikat ini diakui Gabenor Bank Negara Malaysia (Bank Negara), Tan Sri Ahmad Mohd Don ketika merasmikan Seminar Galakan Menabung di Kuala Lumpur minggu lalu, yang antara lain menyebut:

"Walaupun pada masa ini segala perhatian sedang tertumpu kepada pergolakan di pasaran mata wang serantau, kita perlu terus berusaha untuk membina asas yang membawa kejayaan kepada negara setakat ini. Satu elemen yang membolehkan negara kita mencapai kejayaan ekonomi ialah kadar tabungan negara yang tinggi".

Sebenarnya, kadar tabungan negara pada masa ini adalah antara yang tertinggi di dunia iaitu 37.8 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) tetapi menurut Ahmad amat penting untuk rakyat terus meningkatkan budaya menabung.

Malaysia berjaya mengekalkan kadar tabungan yang agak tinggi selama tiga dekad berturut-turut iaitu purata 28.6 peratus di antara 1970 dan 1996.

"Namun, kita tidak harus berpuas hati dengan pencapaian ini. Kadar

tabungan yang tinggi ini boleh menurun seperti dialami negara maju di Eropah dan Amerika Syarikat jika langkah tidak diambil untuk mengekalkan kadar tabungan yang dicapai pada masa ini," katanya.

Pada masa ini, negara menghadapi jurang di antara pelaburan dan tabungan oleh kerana kadar pelaburan tinggi melebihi kadar tabungan. Ini dicerminkan oleh defisit akaun semasa. Oleh kerana kadar tabungan tidak mencukupi untuk menyertai pelaburan dalam negara, Malaysia terpaksa bergantung kepada pelaburan asing atau meminjam dari luar negara.

Oleh itu, untuk menyediakan asas kepada pertumbuhan negara yang mapan di masa depan, struktur kewangan dari segi strategi galakan menabung perlu memberi penekanan terhadap pembangunan infrastruktur kewangan.

Ini bagi mengembangkan produk kewangan yang baru dan menarik serta memperbaiki mutu perkhidmatan perbankan selain mengadakan khidmat nasihat kepada pelanggan supaya segala usaha menyemai tabiat menabung di kalangan rakyat akan berjaya.

Pada masa ini negara masih lagi bergantung kepada pelaburan asing dalam membiayai pembangunan negara. Walaupun dasar kerajaan masih mengalakkan pelaburan asing untuk menampung kekurangan pelaburan oleh pelabur tempatan, kita perlu berusaha mengumpulkan modal tempatan supaya negara boleh berdikari dari segi kewangan.

Peningkatan persaingan untuk menarik pelabur asing serta pergolakan kewangan di luar negara menunjukkan perlunya untuk meningkatkan lagi tabungan supaya pertumbuhan ekonomi tidak terjejas pada masa akan datang.

Ahmad bagaimanapun berkata, aspek penting yang perlu dititikberatkan ialah amalan menabung yang akan meningkatkan tabungan, bukan mengalakkan penabung menukar daripada satu jenis tabungan kepada jenis yang lain.

Kempen galakan menabung peringkat kebangsaan dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 16 Disember tahun lalu dan sejak itu pelbagai kegiatan diadakan terutama oleh institusi perbankan, kewangan dan insurans.

Beberapa langkah diambil oleh institusi kewangan dengan menyediakan pelbagai jenis produk tabungan. Tiga sasaran utama kempen itu ialah golongan remaja, wanita dan pelajar, dengan mendidik mereka mengenai kepentingan merancang kewangan serta belanjawan seharian.

Cara mencatat segala pendapatan dan perbelanjaan harian diajar supaya pada akhir bulan atau tahun, mereka dapat mengenal pasti di mana penjimatan perbelanjaan boleh dilaksanakan. Dengan itu, sebarang kelebihan pendapatan hasil daripada berjimat cermat dapat ditabungkan.

(END)